

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PRESTASI KUTIPAN CUKAI HIBURAN**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila nyatakan berapakah unjuran kutipan cukai hiburan tahun 2017 dan bagaimanakah prestasi kutipan setakat ini?
  - b) Sila kemukakan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan cukai hiburan tersebut?
  - c) Sila nyatakan apakah langkah proaktif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menambah hasil kutipan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan Anggaran Kutipan Duti Hiburan tahun 2017 dan Prestasi Kutipan sehingga 30 September 2017:

<b>HASIL DUTI HIBURAN</b>	<b>ANGGARAN 2017 (RM)</b>	<b>SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017 (RM)</b>	<b>PERATUSAN (%)</b>
Panggung Wayang	52,861,100.00	38,404,500.00	<b>72.65</b>
Taman-Taman Tema / Pertunjukan Pentas / Konsert / Perlumbaan Kereta Dan Motosikal / Lain-Lain Hiburan	3,639,000.00	3,443,718.55	<b>94.63</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>56,500,600.00</b>	<b>41,848,218.55</b>	<b>74.07</b>

(Sumber : Laporan daripada Buku Tunai Unit Cukai Hiburan)

- b) Berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan duti hiburan:

Kutipan Duti Hiburan adalah diperolehi daripada hasil Panggung Wayang dan Taman-Taman Tema / Pertunjukan Pentas / Konsert / Perlumbaan Kereta Dan Motosikal / Lain-Lain Hiburan.

Daripada keseluruhan hasil duti hiburan sehingga **30 September 2017** yang berjumlah **RM41,848,218.55**, aktiviti hiburan panggung wayang adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 92%. Sehingga 30 September 2017, hasil kutipan duti hiburan **panggung wayang** adalah sebanyak **RM38,404,500.00**.

Kutipan hasil duti hiburan pada tahun semasa berbanding tahun 2016 mengalami penurunan sebanyak **RM2,578,542.96** atau - **5.8%**.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penurunan prestasi kutipan duti hiburan adalah disebabkan daripada kurangnya sambutan penonton terhadap tayangan filem-filem tempatan dan antarabangsa. Ia merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kemerosotan jumlah jualan tiket panggung wayang. Berdasarkan statistik Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), kutipan filem tempatan di seluruh Malaysia sehingga 30 September 2017 adalah berjumlah **RM37,939,700.49**. Jumlah ini merosot berbanding kutipan tahun 2016 sebanyak **RM73,053,891.85** bagi tempoh yang sama. Pembukaan panggung-panggung wayang baru selain usaha menaiktaraf panggung wayang sedia ada oleh pemilik panggung wayang tidak banyak membantu disebabkan oleh tiada filem '*Blockbuster*'. Secara langsung, penurunan hasil panggung wayang akan menjejaskan keseluruhan prestasi hasil duti hiburan.

- c) Berikut adalah langkah proaktif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menambah hasil kutipan cukai hiburan:
  - i. Penguatkuasaan keputusan MMKN mengenai pelaksanaan kutipan duti hiburan ke atas taman-taman tema yang beroperasi di Negeri Selangor yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Kutipan duti hiburan telah dilaksanakan ke atas taman-taman tema yang telah tamat tempoh pengecualian duti hiburan;
  - ii. Mempergiatkan lawatan dan pemeriksaan ke atas premis-premis hiburan bagi memastikan premis-premis hiburan beroperasi dengan lesen hiburan yang sah serta menjelaskan bayaran duti hiburan pada kadar dan jumlah yang sepatutnya secara konsisten selaras dengan Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103). Untuk makluman, sehingga 30 September 2017 sebanyak 600 buah premis telah diperiksa ;
  - iii. Mengkaji semula kadar-kadar duti hiburan yang dikenakan ke atas aktiviti-aktiviti hiburan yang dijalankan di premis-premis hiburan. Kali terakhir semakan semula kadar-kadar Duti Hiburan adalah pada 1 Oktober 2001; dan
  - iv. Cadangan untuk menyediakan satu garis panduan dan penyelarasan berhubung pengeluaran lesen hiburan kepada pusat-pusat sukan rekreasi (*Recreational Sport Park*) yang menyediakan permainan sukan lasak seperti *All*

*Terrain Vehicle* (ATV), dan pelbagai sukan air serta *Indoor Theme Park* yang menyediakan permainan seperti *Wall Climbing*, dan *Trampolines*. Pengusaha premis-premis ini mengenakan bayaran fi atau tiket masuk kepada pengunjung yang menggunakan fasiliti atau permainan yang terdapat di premis berkenaan. Premis-premis ini telah diberi lesen Pusat Sukan Persendirian dan tidak tertakluk di bawah Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : BERKAITAN GURU JAIS**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah guru-guru JAIS yang telah diserap ke jawatan tetap berbanding guru sementara dan guru kontrak?
- b) Apakah perancangan ke arah menaik taraf guru-guru JAIS?

**JAWAPAN:**

- a) Pada prinsipnya tiada proses serapan dari jawatan kontrak ke jawatan tetap dalam perkhidmatan awam. Sebagai makluman, berikut merupakan jumlah guru JAIS yang dilantik ke jawatan tetap dan kontrak:

PERKARA	BILANGAN (ORANG)
Guru Lantikan Tetap (DG29-DG52)	1,028
Guru Lantikan Kontrak	486

- b) Dalam usaha menaik taraf guru-guru JAIS, berikut merupakan program-program yang dirancang untuk terus dilaksanakan sesuai dengan keperluannya di masa kini:
  1. *Training of Trainer* (TOT) Pengurusan *Stress*
  2. Pengurusan Bilik Darjah
  3. Pengurusan *Headcount*
  4. Pengurusan Pentadbiran Sekolah
  5. Komunikasi Dalam Pengurusan
  6. Penulisan Kajian Tindakan
  7. Pengurusan Kewangan Siri 1 dan 2
  8. Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif
  9. Pelaksanaan Pentaksiran *Integrated Holistic Assessment Board* (IHAB)
  10. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) *Integrated Holistic Education System* (IHES)
  11. Kaedah Penulisan Jawi
  12. Penulisan Inovasi Kreatif
  13. Pengurusan Disiplin Murid (Sistem Penalti PSP)
  14. Pembinaan Dan Penggunaan Bahan Bantu Sumber Pengajaran (BBSP) ICT

15. Tarbiah Rabbani
16. Peningkatan Profesionalisme Keguruan
17. Jati diri Dan Motivasi
18. *Office Automation: MS Word 2013*
19. *Office Automation: MS Excel 2013*
20. Kursus Penyediaan *Backdrop: MS Powerpoint 2013*
21. *Office Automation: Pemantapan MS Powerpoint 2013*
22. *Office Automation: Pemantapan MS Excel 2013*
23. Kursus Penggunaan *Google Apps*
24. Kursus Penyelenggaraan Komputer

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : USAHA MEMBASMI KEMISKINAN**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sejauh manakah kejayaan dicapai dalam usaha Kerajaan Negeri mencapai sifar kemiskinan di kalangan rakyat?
  - b) Sila perincikan pecahan status berpendapatan miskin mengikut pecahan daerah, sekiranya ada.
  - c) Apakah langkah yang diambil untuk menaik taraf kehidupan rakyat yang dianggap masih berada di tahap kemiskinan?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Menyedari hakikat ini, program dan inisiatif sentiasa dipelbagaikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan. Penurunan insiden kemiskinan di Negeri Selangor adalah sebanyak 0.2%, iaitu daripada 0.2% pada tahun 2014 kepada 0.0% pada tahun 2016.

Pengurangan insiden kemiskinan di Negeri Selangor yang dicatatkan hingga ke paras sifar pada tahun 2016 ini telah membuktikan bahawa semua agenda dan rancangan Kerajaan Negeri terutamanya pelaksanaan Program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah berjaya memperlihatkan kejayaan dan keberkesanan yang amat positif dalam memberi kesan langsung untuk menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor serta seterusnya memberi impak berterusan terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

**\*Maklumat tambahan:**

Jadual Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri bagi tahun 2014 dan 2016 daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

- b) Mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran Tahun 2016 bagi Negeri Selangor yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, insiden kemiskinan mengikut daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	INSIDEN KEMISKINAN TAHUN 2016
1.	Gombak	0.0%
2.	Klang	0.0%
3.	Kuala Langat	0.0%
4.	Kuala Selangor	0.0%
5.	Petaling	0.0%
6.	Sabak Bernam	0.0%
7.	Sepang	0.0%
8.	Hulu Langat	0.1%
9.	Hulu Selangor	0.2%

*\*Nota : 0.0% menunjukkan nilai yang kurang daripada 0.05%.*

Ini menunjukkan bahawa Negeri Selangor mencatatkan tiada insiden kemiskinan di semua daerah kecuali daerah Hulu Langat dan Hulu Selangor. Namun begitu, had pendapatan kasar isi rumah adalah berbeza mengikut *kumpulan isi rumah\** dan negeri. Had pendapatan bagi kumpulan isi rumah terendah 40% (B40) di Negeri Selangor adalah <RM6,180.

*\*Nota : Kumpulan isi rumah adalah terdiri daripada terendah 40% (B40), pertengahan 40% (M40) dan tertinggi 20% (T20).*

*\*Maklumat tambahan:*

Insiden Kemiskinan Mengikut Strata dan Daerah Pentadbiran, Selangor bagi Tahun 2014 dan 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

- c) Saban tahun menyaksikan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif baru yang memberi manfaat berterusan kepada rakyat terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Dimensi yang diberikan fokus utama oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar kemiskinan adalah merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat.

Sehingga September 2017, sejumlah empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rumah Selangorku, Skim DanaSel, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program HIJRAH, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Program Peduli Siswa, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor, Program Kemahiran Teknikal melalui INPENS serta pelbagai lagi. Program-program seumpama ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari aspek kesihatan, pendidikan dan taraf hidup rakyat. Hasilnya, rakyat dapat menikmati kesejahteraan hidup yang berterusan.

## LAMPIRAN 1

### INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI DAN STRATA BAGI TAHUN 2014 DAN 2016

Jadual 3.2: Insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2014 dan 2016

Table 3.2: Incidence of poverty by state and strata, Malaysia, 2014 and 2016

Negeri State	2014			2016			(%)
	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	
Malaysia	0.6	0.3	1.6	0.4	0.2	1.0	
Johor	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	
Kedah	0.3	0.3	0.2	0.2	0.1	0.2	
Kelantan	0.9	0.8	1.0	0.4	0.3	0.6	
Melaka	0.1	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	
Negeri Sembilan	0.4	0.1	0.8	0.2	0.0	0.8	
Pahang	0.7	0.2	1.2	0.2	0.1	0.3	
Pulau Pinang	0.3	0.3	0.2	0.1	0.1	0.0	
Perak	0.7	0.5	1.5	0.2	0.1	0.5	
Perlis	0.2	0.2	0.2	0.1	0.1	0.1	
	0.2	0.2	0.6	0.0	0.0	0.0	
Terengganu	0.6	0.4	1.0	0.4	0.4	0.5	
Sabah	4.0	1.9	7.4	2.9	1.6	5.3	
Sarawak	0.9	0.5	1.6	0.6	0.3	1.1	
W.P. Kuala Lumpur	0.1	0.1	n.a	0.0	0.0	n.a	
W.P. Labuan	1.1	1.0	2.3	0.0	0.0	0.0	
W.P. Putrajaya	0.0	0.0	n.a	0.0	0.0	n.a	

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017)

## LAMPIRAN 2

### INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT STRATA DAN DAERAH PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2014 & 2016

Jadual 1.9: Insiden kemiskinan mengikut strata dan daerah pentadbiran, Selangor, 2014 dan 2016

Table 1.9: Incidence of poverty by strata and administrative district, Selangor, 2014 and 2016

Daerah pentadbiran <i>Administrative district</i>	Insiden kemiskinan <i>Incidence of poverty</i>	
	2014	2016
<b>SELANGOR</b>	<b>0.2</b>	<b>0.0</b>
Bandar/ <i>Urban</i>	0.2	0.0
Luar bandar/ <i>Rural</i>	0.6	0.0
<b>Daerah pentadbiran <i>Administrative district</i></b>		
Gombak	0.1	0.0
Klang	0.3	0.0
Kuala Langat	0.0	0.0
Kuala Selangor	1.1	0.0
Petaling	0.1	0.0
Sabak Bernam	1.0	0.0
Sepang	0.0	0.0
Hulu Langat	0.0	0.1
Hulu Selangor	1.4	0.2

**Nota/Note :**

0.0 menunjukkan nilai yang kurang daripada 0.05 peratus

0.0 indicates a value less than 0.05 per cent

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROJEK PENGANTIAN PAIP AIR LAMA**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan status terkini projek penggantian paip lama di Selangor?
  - b) Berapakah jumlah NRW yang berjaya dikurangkan sehingga kini?
  - c) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi melaksanakan projek ini?

**JAWAPAN:**

- a) 23 projek *hotspots* sedang berjalan semenjak tahun 2016 dan dijangka siap pada suku tahun pertama 2018.

Bagi tahun 2017 sehingga bulan September 2017, 24 projek *hotspots* baru telah dianugerahkan kepada kontraktor yang berjaya sementara 10 projek *hotspots* lagi sedang dalam peringkat penganugerahan dan dijangkakan akan ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya pada tahun ini juga. Kesemua 34 projek *hotspots* ini dijangkakan akan siap pada penghujung tahun 2018.

Baki 27 *hotspots* lagi akan dilaksanakan pada tahun 2018 tertakluk kepada baki pinjaman sebanyak RM93.70 juta dikeluarkan lebih awal oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 dan bukannya pada tahun 2019 seperti yang dijadualkan sebelum ini.

- b) Sejak pengambilalihan oleh Air Selangor pada Oktober 2015, NRW telah dapat dikurangkan daripada 32.56% kepada 31.41% sehingga September 2017. Pengurangan sebanyak 1.15%. Berikut adalah peratus pengurangan air tidak berhasil (NRW) dari bulan Oktober 2015 – September 2016:

Bulan	Jumlah (Mld)	Jumlah Penggunaan Dibilkan (Mld)	Jumlah NRW (Mld)	Peratus NRW (%)
Oct-15	4,686	3,160	1,526	32.56
Nov-15	4,688	3,189	1,500	31.99
Dec-15	4,666	3,170	1,496	32.06
Jan-16	4,748	3,199	1,549	32.61
Feb-16	4,708	3,238	1,470	31.22
Mar-16	4,780	3,272	1,508	31.55

Bulan	Jumlah (Mld)	Jumlah Penggunaan Dibilkan (Mld)	Jumlah NRW (Mld)	Peratus NRW (%)
Apr-16	4,828	3,327	1,501	31.09
May-16	4,862	3,295	1,567	32.23
Jun-16	4,811	3,284	1,527	31.75
Jul-16	4,772	3,212	1,560	32.7
Aug-16	4,865	3,282	1,583	32.54
Sep-16	4,819	3,276	1,552	32.20
Oct-16	4,834	3,285	1,541	32.04
Nov-16	4,884	3,247	1,637	33.51
Dec-16	4,770	3,213	1,557	32.64
Jan-17	4,854	3,219	1,635	33.68
Feb-17	4,866	3,233	1,633	33.56
Mar-17	4,892	3,269	1,623	33.17
Apr-17	4,820	3,317	1,503	31.18
May-17	4,857	3,315	1,542	31.75
Jun-17	4,804	3,354	1,450	30.19
Jul-17	4,866	3,272	1,594	32.76
Aug-17	4,859	3,392	1,467	30.19
Sep-17	4,830	3,313	1,517	31.41

- c) Jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi melaksanakan projek ini adalah RM374.3 Juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN AM KEBAJIKAN**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bantuan Am Kebajikan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui JKM hanya memberi bantuan maksimum sehingga RM350 sebulan kepada penerimanya.
- b) Adakah mungkin amaun ini dinaikkan khusus kepada garis gaji minima hanya untuk penerima yang langsung tidak mempunyai keupayaan sara diri?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menyalurkan Skim Bantuan Am Negeri dengan tiga (3) kadar bantuan yang baharu iaitu RM250, RM300 dan RM350 sebulan kepada penerima bantuan tersebut. Menjawab persoalan Yang Berhormat Kampung Tunku, kadar maksimum bantuan yang disalurkan kepada setiap penerima bantuan adalah RM350 sahaja bagi satu keluarga.
- b) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor berpandukan kepada Garis Panduan Pengurusan Bantuan Am Negeri yang telah diwartakan menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi seisi keluarga adalah RM1,500 atau per kapita RM350 sebulan. PGK dan kadar Bantuan Am Negeri baharu ditingkatkan dan berkuat kuasa mulai Januari 2017. Bagi individu/keluarga yang tidak mempunyai keupayaan sara diri dan tiada pendapatan, maka mereka sememangnya layak untuk menerima bantuan tersebut berdasarkan kelayakan semasa. Untuk makluman ahli Yang Berhormat Kampung Tunku, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menaikkan lagi kadar Bantuan Am Negeri dalam masa terdekat kerana ianya baharu dinaikkan mulai awal tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PERUMAHAN**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan membantu membangunkan semula projek perumahan terbengkalai?
- b) Apakah status kemajuan terkini projek perumahan generasi kedua?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja tetapi kuasa pemulihan ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut :

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan *Insolvensi/Liquidator*, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka plan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan sentiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- iii. LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv. LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v. Sekiranya projek ini menghadapi **defisit kos pemulihan**, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek
- vi. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- vii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Generasi Kedua buat masa ini hanya tertumpu kepada Felda Sg. Tenggi Selatan, Daerah Hulu Selangor adalah merupakan sebuah projek inisiatif Kerajaan Negeri yang dimajukan oleh PKNS. Projek ini meliputi pembangunan sejumlah 136 unit Rumah Berkembar Satu Tingkat yang mana Kerajaan Negeri akan membiayai sepenuhnya kos pembangunan infrastruktur yang dianggarkan berjumlah RM7.65 juta. Berikut adalah status semasa dan sasaran bagi kelulusan yang berkaitan dengan cadangan pembangunan perumahan generasi kedua Felda Sg. Tenggi Selatan :

- i. Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Bersyarat telah diperolehi dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada 05 Mei 2017.
- ii. Kelulusan KM Penuh dari MDHS telah diperolehi pada 12 September 2017.
- iii. Sasaran kelulusan Pelan Pra-Hitungan dijangka diperolehi pada 10 Oktober 2017.
- iv. Sasaran Kelulusan Pelan Kerja Tanah serta Pelan Jalan & Perparitan dijangka diperolehi pada 20 Oktober 2017.
- v. Pelan Bangunan dan Pelan Sementara disasarkan untuk mendapat kelulusan pada 06 November 2017.
- vi. Kerja-kerja pembersihan tapak telah dimulakan kontraktor pada 03 Ogos 2017 dan telah disiapkan pada 18 Ogos 2017.
- vii. Sasaran untuk kerja-kerja pembinaan dimulakan di tapak adalah pada pertengahan akhir November 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PROJEK PENCEGAHAN BANJIR**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah dibelanjakan dalam Projek-projek Pencegahan Banjir di Daerah Klang sehingga sekarang?
- b) Apakah perancangan masa depan di dalam mengatasi masalah banjir di Daerah Klang yang merupakan sebahagian daripada kawasan tumpuan penduduk di Lembah Klang?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukkan yang telah dibelanjakan dalam Projek-projek Pencegahan Banjir di Daerah Klang dalam RMK-10 adalah sebanyak RM 21,593,925.33. Bagi RMK-11 perbelanjaan sebanyak RM 33,905,817.95 telah dibelanjakan.
- b) Perancangan masa depan di dalam mengatasi masalah banjir di Daerah Klang adalah dengan pelaksanaan projek dalam kajian pelan induk saliran Bandar Klang (2009) yang telah dibuat oleh perunding yang dilantik oleh JPS Malaysia yang melibatkan beberapa skop kerja yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan. JPS melaksanakan projek-projek secara berperingkat mengikut Rancangan Malaysia.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Perincian kos projek dalam pelaksanaan serta perbelanjaan terkini.

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>KOS KONTRAK (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN RMK-11 (RM)</b>
1	Projek Tebatan Banjir di Sg Aur Fasa 5, Daerah Klang  Tarikh Mula : 10.11.2016 Tarikh Tamat : 10.05.2018	10,853,301.63	6,160,000.00
2	Kerja-kerja Menaik taraf Sistem Saliran di Kawasan Persiaran Sg Kandis, Daerah Klang  Tarikh Mula : 13.04.2016 Tarikh Tamat : 13.01.2018	13,354,962.79	8,829,200.00
3	Kerja-kerja Menaik taraf Sistem Saliran di Kawasan Persiaran Hamzah Alang, Daerah Klang, (Pakej 2)  Tarikh Mula : 13.04.2016 Tarikh Tamat : 06.12.2017	16,184,786.66	9,706,100.00
4	Projek Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil, Daerah Klang  Tarikh Mula : 07.02.2017 Tarikh Tamat : 04.09.2018	15,277,667.66	2,724,300.00
5	Kerja-kerja Tebatan Banjir di Teluk Gadong, Daerah Klang  Tarikh Mula : 07.02.2017 Tarikh Tamat : 07.09.2018	8,097,722.86	1,031,000.00
6	Kerja-kerja Menaik taraf Sistem Saliran Revolusi Hijau Johan Setia, Daerah Klang  Tarikh Mula : 13.04.2016 Tarikh Tamat : 24.01.2018	7,958,195.52	4,970,100.00
7	Kerja-kerja Membina, Membekal, Memasang, Menguji jaya Pintu Air dan Pam Serta kerja berkaitan di Pintu Air Sg Keramat, Daerah Klang  Tarikh Mula : 11.11.2016 Tarikh Tamat : 11.05.2018	4,016,340.00	485,117.95
	<b>JUMLAH</b>	<b>75,742,977.12</b>	<b>33,905,817.95</b>

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Perincian kos projek yang akan dilaksanakan.

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN RMK-11 (RM)</b>
1	Projek Tebatan Banjir Di Sg. Rasau, Daerah Klang Fasa 1 & Fasa 2	25,000,000.00	
2	Projek Tebatan Banjir Di Pandamaran Pelabuhan Klang	7,500,000.00	
3	Projek Tebatan Banjir Di Sg. Puluh, Daerah Klang	10,000,000.00	
4	Projek Tebatan Banjir Di Kawasan Sg. Pinang	3,000,000.00	
5	Projek Menaik taraf Saliran Di Kawasan Kg. Johan Setia, Mukim Klang (Fasa 2)	6,000,000.00	
6	Projek Menaik taraf Saliran Di Kawasan Kg. Johan Setia, Mukim Klang, Daerah Klang (Sambungan)	200,000.00	
7	Projek Menaik taraf Saliran Di Teluk Menegun, Mukim Klang Fasa 2	4,300,000.00	
8	Projek Menaik taraf Saliran Di Teluk Menegun, Mukim Klang	200,000.00	
9	Projek Menaik taraf Saliran Di Pekan Meru Daerah Klang	30,000,000.00	
10	Projek Menaik taraf Saliran Di Jalan Palembang Dan Jalan Bakti	3,000,000.00	
	<b>JUMLAH</b>	<b>89,200,000.00</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPA)**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah bersedia untuk melaksanakan PIPA?
- b) Adakah Kerajaan Negeri yakin PIPA mampu menyelesaikan masalah kesesakan di bandar-bandar utama Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Isu kesesakan lalu lintas merupakan salah satu isu yang selalu dibangkitkan terutama oleh penduduk di kawasan bandar. Menyedari perkara ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) yang merupakan dokumen asas ke arah mewujudkan perancangan pengangkutan awam yang komprehensif sebagai salah satu inisiatif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Penyediaan PIPANS memberi lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Penyediaan dokumen ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya telah bersedia dan mempunyai pandangan jauh dalam memulakan pelan pengangkutan yang mampan terutamanya dalam menambahbaik sistem pengangkutan di Negeri Selangor. Namun begitu, penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan terutamanya di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah sangat penting. Penyelarasan di peringkat semua pihak amat diperlukan dalam perancangan pembangunan supaya pelan ini dapat diintegrasikan ke dalam pelan-pelan agensi sedia ada dan seterusnya dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian dengan nisbah 60:40.

- b) Perlu ditekankan bahawa cadangan jalan raya dan lebuh raya baharu tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Dalam banyak keadaan, cadangan ini hanya akan memindahkan punca masalah ke lokasi lain iaitu ke jalan raya atau lebuh raya yang baharu. Keadaan ini sering

berlaku di mana susur keluar jalan raya baharu bertemu dengan jalan sedia ada menyebabkan keadaan *bottleneck* yang membawa kepada kesesakan lalu lintas. Ketidakseimbangan laluan lebuhraya pula sangat ketara di lokasi-lokasi tertentu dalam kawasan bandar di Selangor apabila ianya terletak berhampiran dengan rangkaian pengangkutan.

Penyediaan PIPANS adalah berdasarkan kepada perancangan guna tanah di Negeri Selangor, pertumbuhan penduduk, peluang pekerjaan, pemilikan kenderaan dan turut mengambil kira faktor ekonomi Negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Sebelum kajian ini dimulakan, penyelidikan dari aspek-aspek yang dinyatakan di atas dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai situasi semasa serta perancangan pembangunan yang akan datang bagi memastikan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini telah mengambilkira setiap aspek dan isu sekaligus relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GOLONGAN ANAK MUDA**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah gaji purata dan pendapatan median golongan anak muda di Selangor? Bandingkan dengan negeri-negeri lain.
  - b) Apakah polisi dan usaha kerajaan dalam membangunkan golongan anak muda dari segi pekerjaan dan pendapatan?
  - c) Apakah prospek anak muda di Selangor berbanding negeri lain?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum mengenai gaji purata pendapatan median golongan anak muda di Selangor berikutan taraf hidup yang semakin meningkat dan pembangunan belia perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan. Melalui sumber yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, gaji purata di Selangor termasuk golongan anak muda berbanding negeri-negeri lain bagi perbezaan tahun 2014 dan 2016 adalah seperti jadual di bawah:-

**Gaji Purata Mengikut Negeri Bagi Tahun 2014 dan 2016**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah gaji purata (RM)</b>	
		<b>TAHUN 2014</b>	<b>TAHUN 2016</b>
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10,629	11,692
2.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	10,401	11,555
3.	Selangor	8,252	9,463
4.	Wilayah Persekutuan Labuan	7,591	8,174
5.	Johor	6,207	6,928
6.	Melaka	6,046	6,849
7.	Pulau Pinang	5,993	6,771

Bil	Perkara	Jumlah gaji purata (RM)	
		TAHUN 2014	TAHUN 2016
8.	Negeri Sembilan	5,271	5,887
9.	Terengganu	4,816	5,776
10.	Sarawak	4,934	5,387
11.	Sabah	4,879	5,354
12.	Perak	4,268	5,065
13.	Pahang	4,343	5,012
14.	Perlis	4,445	4,998
15.	Kedah	4,478	4,971
16.	Kelantan	3,715	4,214

( Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia )

Merujuk kepada jadual di atas, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah gaji purata tertinggi iaitu RM11,692 diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak RM11,555 Selangor (RM9,463) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM8,174). Lain-lain negeri mencatatkan gaji purata di bawah paras *national level* (RM6,958).

Seterusnya, pendapatan median di Selangor termasuk golongan anak muda berbanding negeri-negeri lain bagi perbezaan tahun 2014 dan 2016 adalah seperti jadual di bawah: -

#### **Pendapatan Median Mengikut Negeri Bagi Tahun 2014 dan 2016**

Bil	Perkara	Jumlah pendapatan median (RM)	
		TAHUN 2014	TAHUN 2016
1.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7,620	9,073
2.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	7,512	8,275
3.	Selangor	6,214	7,225
4.	Wilayah Persekutuan Labuan	5,684	5,928

Bil	Perkara	Jumlah pendapatan median (RM)	
		TAHUN 2014	TAHUN 2016
5.	Johor	5,197	5,652
6.	Melaka	5,029	5,588
7.	Pulau Pinang	4,702	5,409
8.	Terengganu	3,777	4,694
9.	Negeri Sembilan	4,128	4,579
10.	Perlis	3,500	4,204
11.	Sarawak	3,778	4,163
12.	Sabah	3,745	4,110
13.	Perak	3,451	4,006
14.	Pahang	3,389	3,979
15.	Kedah	3,451	3,811
16.	Kelantan	2,716	3,079

( Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia )

Merujuk kepada jadual di atas, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah pendapatan median tertinggi iaitu sebanyak RM9,073 diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak RM8,275, Selangor (RM7,225), Wilayah Persekutuan Labuan (RM5,928), Johor (RM5,652), Melaka (RM5,588) dan Pulau Pinang (RM5,409). Lain-lain negeri mencatatkan pendapatan median di bawah paras *national level* iaitu RM5,228.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor dengan memfokuskan dan memberi keutamaan kepada dua aspek penting iaitu pekerjaan dan pendapatan. Selain daripada memastikan belia mendapat pekerjaan, usaha perlu juga diberikan kepada penglibatan belia dalam bidang keusahawanan. Dalam banyak ketikanya, belia lebih menumpukan kepada usaha untuk mendapatkan pekerjaan sebagai sumber mata pencarian untuk menampung keperluan hidup. Mungkin juga disebabkan kurang pendedahan, kesedaran dan pengetahuan, belia tidak menganggap keusahawanan sebagai alternatif sumber pendapatan yang jauh lebih baik daripada pekerjaan. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Dana Usahawan Mikro bagi membuka peluang kepada usahawan mikro di Negeri Selangor untuk mempelbagaikan dan mengkomersialkan

produk di samping untuk mengukuhkan perniagaan dan perusahaan mikro di Negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti (pengeluaran jualan dan pendapatan). Program ini telah memberi ruang kepada 55 orang usahawan belia di Selangor.

Selain itu, generasi muda di Selangor juga berpeluang untuk menyertai program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri antaranya program Hijrah Selangor yang berteraskan konsep Pinjaman Asas Simpanan yang mana pinjaman yang diberikan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan. Hijrah Selangor telah mensasarkan golongan khusus seperti ibu tunggal, penerima blue print, asnaf, belia, orang kelainan upaya dan khariah masjid. Melalui program ini, seramai 23,260 orang usahawan belia telah ditawarkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM143,919,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Hijrah Selangor juga melaksanakan program mentor usahawan (*mentoring system*) iaitu *Zero to Hero* di mana melalui program ini usahawan dilatih dan dipantau oleh syarikat peneraju (*anchor company*) dalam jangkamasa 6 bulan untuk memastikan kejayaan mereka.

Di samping itu, bagi generasi muda yang mempunyai minat dalam bidang digital dan teknologi, mereka boleh menyertai program yang dijalankan oleh SITEC di bawah kelolaan Invest Selangor. SITEC juga telah melancarkan Selangor Digital Creative Centre, sebuah pusat inkubator yang menawarkan kolaborasi dan persekitaran inovatif untuk generasi muda melahirkan *start-up* dan produk teknologi yang kreatif.

- c) Generasi muda di Negeri Selangor mempunyai prospek yang lebih cerah di dalam mendapatkan pekerjaan dan menambah pendapatan mereka berbanding di negeri lain. Hal ini kerana peluang pekerjaan di Selangor lebih tinggi berbanding di negeri-negeri lain. Hal ini demikian, berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor dari tahun 2014 – 2017 adalah berjumlah 1,013,405. Maklumat berikut adalah seperti jadual di bawah:-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PELUANG PEKERJAAN</b>
2014	256,819
2015	276,365
2016	205,370
1 JAN HINGGA OKTOBER 2017	265,851
<b>JUMLAH</b>	<b>1,013,405</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERSOALAN MENANGANI GEJALA SOSIAL**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan apakah tindakan kerajaan untuk menangani gejala sosial khususnya di kawasan bandar?
- b) Apakah kejayaannya?
- c) Bagaimana solusi kerajaan untuk luar bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan untuk menangani masalah gejala sosial secara menyeluruh yang meliputi kawasan bandar. Antara tindakan dan inisiatif kerajaan ialah dengan mengadakan perancangan dan program-program seperti berikut :
  - i) Menyediakan Pelan Tindakan Menangani Gejala yang dijadikan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh di semua peringkat selaras dengan hasrat dan halatuju Kerajaan Negeri. Pelan Tindakan yang digunakan merangkumi pendekatan seperti melaksanakan Program Pendidikan, Program Pencegahan, Program Penguatkuasaan dan Program Pemulihan / Pemurnian;
  - ii) Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor diwujudkan bertujuan untuk merancang pelaksanaan program-program serta operasi menangani gejala sosial. Manakala Jawatankuasa yang bersifat inklusif telah ditubuhkan di setiap daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JKKK, Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Guru (MPPBIG), Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Institusi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Ketua-ketua kaum, komuniti, Persatuan Pesara, Kaunselor dan NGO;

- iii) Pelbagai program juga telah dilaksanakan seperti Program Generasi Berimpak Selangor dengan pengisian aktiviti yang bermanfaat seperti forum, program hiburan berinformasi, aktiviti-aktiviti kecergasan seperti larian, pertandingan bola sepak, karom, catur berkhemah, pameran jabatan serta agensi kerajaan dan Bengkel Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Daerah. Selain itu pihak kerajaan juga melaksanakan program-program pengupayaan komuniti dan program jati diri remaja;
  - iv) Perkhidmatan kaunseling dan psikologi secara percuma kepada orang awam melalui Pusat Kaunseling Selangor (PKS) atau lebih dikenali sebelum ini sebagai 'Talian Sahabat' juga disediakan sebagai alternatif pemulihan. PKS ini diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan mendapat kerjasama daripada kaunselor sukarela yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. PKS ini beroperasi di Kompleks PKNS, Shah Alam;
  - v) Pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga melaksanakan program-program pencegahan bersepadu bersama Pejabat Daerah, PBT, PDRM, Imegresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara operasi pencegahan yang dilakukan seperti Operasi Sambutan Tahun Baru, Sambutan Kemerdekaan, Operasi Ajaran Sesat dan Operasi Tabung / Kutipan Derma Tanpa Kebenaran;da
  - vi) Selain itu, pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah melaksanakan *Delivery Service* dalam semua aspek dan mengadakan kerjasama dengan masyarakat serta pertubuhan melalui konsep *Community Policing*. Susulan itu, tindakan penguatkuasaan dengan melaksanakan beberapa Operasi Rondaan telah dilakukan seperti NBOS Penugasan Rondaan Bersama PDRM dan ATM (Joint Patrol), Rondaan 'OP Ledak', Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera (RAPAT) serta dan mewujudkan Polis Bantuan Kontinjen Selangor.
- b) Program-program dan operasi menangani gejala sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri dengan kerjasama semua jabatan / agensi telah berhasil. Kejayaan dan keberkesanannya dapat dilihat melalui aspek-aspek berikut :
- i. Laporan statistik Jenayah Indeks bagi tempoh 01 Januari hingga 29 Oktober 2016 dan sehingga Oktober 2017 yang diperolehi daripada

Jabatan Siasatan Jenayah Selangor mendapati terdapat pengurangan kadar peratusan kes iaitu sebanyak 18.81% seperti berikut :

	<b>Kesalahan</b>	<b>2016</b>	<b>Oktober 2017</b>	<b>Pengurangan</b>	<b>%</b>
a)	Jenayah Kekerasan	5,669	5,417	- 252	- 4.45
b)	Jenayah Harta benda	21,038	16,266	- 4772	- 22.68
	<b>Jumlah</b>	<b>26,707</b>	<b>21,683</b>	<b>- 5024</b>	<b>- 18.81</b>

- ii. Pengurangan kes tangkapan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) semasa operasi pada malam sambutan kemerdekaan 2016 sebanyak 95 kes, manakala tahun 2017 sebanyak 32. Ini menunjukkan satu kejayaan pelaksanaan program operasi bersepadu menangani gejala sosial; dan
  - iii. Penglibatan secara langsung pimpinan masyarakat dalam membuat perancangan program dan aktiviti, mewujudkan persefahaman dan perpaduan kaum melalui program-program serta wujudnya jaringan kerjasama di antara jabatan/agensi kerajaan dan masyarakat dalam memastikan masalah gejala sosial dapat diatasi adalah hasil atau kejayaan yang dibanggakan.
- c) Kerajaan Negeri dalam mencari jalan penyelesaian atau solusi untuk mengatasi masalah gejala sosial terutamanya di kawasan luar bandar telah mengambil langkah dan inisiatif seperti berikut:
- i. Menubuhkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang bersifat inklusif di setiap daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Ketua-ketua kaum, komuniti dan NGO.

Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk memberi fokus dalam merancang program dan melaksanakan operasi pencegahan gejala sosial;

- ii. Menubuhkan Pusat Sehati GeMS di kawasan fokus yang berperanan sebagai pusat yang menyediakan khidmat informasi dan menerima aduan penduduk. Selain itu pusat ini juga berperanan sebagai pusat untuk merancang dan melaksanakan program kesedaran serta pencegahan gejala sosial;
- iii. Pendekatan lain yang diambil oleh pihak kerajaan ialah dengan melaksanakan Program Pengupayaan Komuniti Setempat iaitu satu program yang berbentuk penerangan dan pendedahan untuk menangani gejala sosial yang melibatkan penyertaan daripada semua pimpinan masyarakat seperti Ketua Kampung, Ahli Majlis, Pengerusi Persatuan Penduduk, Ketua Komuniti, Jawatankuasa Masjid dan penduduk setempat. Intipati program ini ialah memberi kefahaman kepada pimpinan masyarakat mengenai langkah pencegahan awal dan tindakan susulan jika gejala sosial dan jenayah berlaku di kawasan mereka; dan
- iv. Program Pemantapan Jati Diri Remaja juga dilaksanakan oleh pihak kerajaan bertujuan menyediakan aktiviti / program berkualiti kepada remaja dengan memberi penekanan kepada penerapan jati diri dan nilai-nilai murni. Di samping itu, untuk mewujudkan rasa tanggungjawab serta keprihatinan remaja terhadap isu-isu masalah sosial.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KAD PEDULI SIHAT**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah proses tindakan ke atas klinik-klinik yang mengenakan caj lebih tinggi dari biasa?
- b) Nyatakan bilangan klinik-klinik yang sudah berdaftar dan klinik-klinik yang sudah ditamatkan perkhidmatan dalam skim Peduli Sihat.

**JAWAPAN:**

- a) Sebarang aduan lebihan caj yang diadakan akan disiasat oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. Berikut merupakan proses aduan berkaitan pengenaan caj berlebihan oleh pihak klinik :

<b>NO.</b>	<b>PROSES</b>	<b>BUTIRAN</b>
1	Menerima aduan	Membuat semakan beserta bukti seperti resit, butiran ubat dan maklumat klinik.
2	Proses Penilaian Aduan	Berdasarkan maklumat yang lengkap, siasatan dalaman akan dilakukan oleh Unit Pengurusan Perubatan SELGATE untuk mengesahkan kesahihan aduan.
3	Siasatan Dalaman	Unit Pengurusan Perubatan akan menghubungi klinik terbabit untuk meminta penjelasan berkenaan dengan aduan ahli.
4	Siasatan Rujukan Klinik	Keputusan siasatan akan dibawa kepada pihak pengurusan SELGATE untuk dinilai dan tindakan. Pihak Perhubungan Pelanggan SELGATE dan Pemasaran akan memaklumkan kepada pengadu mengenai status aduan.

NO.	PROSES	BUTIRAN
5	Maklumbalas Siasatan	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="679 264 1358 405">1. Pihak SELGATE akan mencadangkan kepada pihak klinik tindakan yang harus diambil berdasarkan hasil siasatan aduan.</li> <li data-bbox="679 450 1358 703">2. Jika perkara tersebut berlaku kali kedua, pihak SELGATE akan meletakkan klinik panel terbabit di dalam senarai PERHATIAN dan surat amaran akan diberi kepada klinik tersebut.</li> <li data-bbox="679 779 1358 972">3. Jika hal yang sama berterusan untuk kali ketiga, pihak SELGATE akan menggantung atau menamatkan kontrak sebagai Klinik Panel Peduli Sihat.</li> </ol>

- b) Sehingga 19 Oktober 2017, sebanyak 869 klinik di seluruh Selangor dan Lembah Kelang telah diluluskan sebagai klinik panel Skim Peduli Sihat dan 93 klinik dalam proses untuk diluluskan. Sehingga kini tiada klinik yang telah ditamatkan khidmat panel.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : TARIKAN PELABURAN ASING**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah daya penarik Selangor sebagai destinasi pelaburan?
- b) Apakah inisiatif untuk memastikan Selangor terus menjadi destinasi pelaburan yang utama?

**JAWAPAN:**

- a) Antara daya penarik Selangor sebagai destinasi pelaburan adalah;-
  - i. Keyakinan pelabur terhadap dasar pentadbiran Kerajaan Negeri yang telus, bertanggung jawab dan berintegriti, untuk pelabur melabur di Selangor dan juga mengembangkan pelaburan yang sedia ada.
  - ii. Penawaran kawasan industri yang strategik dan kondusif di Negeri Selangor serta kemudahan infra yang lengkap.
  - iii. Kos pelaburan dan awalan perniagaan yang kompetitif.
  - iv. Perlaksanaan projek baru yang berintensifkan modal bagi penggunaan teknologi baru yang lebih kompetitif.
  - v. Kewujudan eko – sistem pelaburan yang lebih baik berbanding negeri-negeri lain.
  - vi. Kewujudan industri sokongan dan perkhidmatan sebagai pelengkap kepada rantai bekalan industri (*Industrial Supply Chain*) bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan perniagaan.
  - vii. Bekalan tenaga kerja mahir yang tertumpu di kawasan Lembah Klang turut menjadi faktor daya penarik.
- b) Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk memastikan Selangor terus menjadi destinasi pelaburan utama seperti berikut;-

**Strategi jangka masa panjang:-**

- i. Melaksanakan perancangan pelan perancangan strategik sektor perindustrian yang telah diterbitkan.
- ii. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui **Majlis Mesyuarat** yang ditubuhkan seperti;-
  - 1. Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)
  - 2. Halal International Selangor Council

3. *Selangor Aerospace Council*
4. *Bio Tech – Council*

- iii. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program misi penggalakan pelaburan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara-negara yang berpotensi dan yang telah dikenal pasti.
- iv. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui media cetak dan elektronik.
- v. Mewujudkan jaringan hubungan atau *networking* dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
- vi. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.
- vii. Cadangan pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri.
- viii. Mewujudkan kawasan perindustrian yang selesa dan kondusif berkonsepkan *Managed Industrial Parks*.
- ix. Penganjuran ekspo dan forum bertaraf antarabangsa.

**Strategi jangka masa pendek:-**

- i. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik.
- ii. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur.
- iii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- v. Menyediakan peruntukkan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT.

- vi. Mengadakan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAWASAN KAKI LIMA RUMAH KEDAI**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PBT yang mempunyai dasar untuk membenarkan perniagaan meletakkan barang niaga di sebahagian daripada kaki lima?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menyeragamkan dasar ini di seluruh Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Untuk makluman, semua PBT di Selangor telah mengguna pakai dasar yang disediakan dan diedarkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT:KT Bil.6/2008 - Dasar Membenarkan Permit Sementara Meletakkan Kerusi Meja Di Luar Premis Makanan Di Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bertarikh 26 Ogos 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : TAPAK SURAU DAN MASJID DI GOMBAK SETIA**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah tapak surau dan masjid yang telah diwartakan di DUN Gombak Setia?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada keputusan MMKN ke 29/2013 bertarikh 25 September 2013 dan disahkan oleh MMKN ke 30/2013 bertarikh 9 Oktober 2013 semua permohonan tapak surau dan masjid oleh MAIS hendaklah ditolak dan diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara yang mana pegawai pengawal adalah Jabatan Agama Islam Selangor dan pegawai penyelenggara adalah Majlis Agama Islam Selangor

Bagi DUN Gombak setia terdapat 6 permohonan yang telah diterima dan hanya sebuah tapak surau sahaja yang telah diwartakan iaitu di lot 4380 Bandar Gombak Setia , Daerah Gombak (No. Warta : 1163 bertarikh 9.4.2009).



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : STATUS TERKINI PEMBINAAN RUMAH SELANGORKU MENGIKUT  
JENIS A, B, C, D BAGI SELURUH DAERAH**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah diberikan kebenaran.
- b) Jumlah siap dibina.
- c) Apakah jumlah ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhannya sebanyak **100,870** unit Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga kini. Sehingga 15 Oktober 2017, sebanyak **1,813** unit RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak **21,912** Unit RSKU sedang dalam pembinaan. Perinciannya adalah seperti berikut :-

<b>TAHUN</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>SIAP DIBINA</b>	<b>DALAM PEMBINAAN</b>	<b>BELUM DIBINA</b>
2014	37 (11,768)	6 (824)	12 (4,074)	19 (6,870)
2015	84 (59,307)	5 (989)	20 (17,578)	59 (40,740)
2016	25 (17,139)	-	1 (260)	24 (16,879)
2017	27 (12,656)	-	-	27 (12,656)

<b>JUMLAH</b>	<b>173</b> (100,870)	<b>11</b> (1,813)	<b>33</b> (21,912)	<b>129</b> (77,145)
---------------	-------------------------	----------------------	-----------------------	------------------------

- b) Untuk tempoh 2014 sehingga 15 Oktober 2017, sebanyak **1,813** unit RSKU **telah siap dibina** dan **telah diserahkan kunci**. Perinciannya adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Lokasi Projek</b>	<b>Bilangan Unit</b>	<b>Tahun Siap Dibina</b>
1.	MPKj	TJ Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 1024, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	92 (Jenis D)	21 Okt 2014
2.	MBSA	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	PT 32411 (Lot Asal PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643), Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	536 (Jenis C)	22 Mac 2016
3.	MPAJ	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak.	42 (Jenis D)	15 Jun 2017
4.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	12 May 2017
5.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	07 Mac 2017

Bil.	PBT	Nama Projek	Lokasi Projek	Bilangan Unit	Tahun Siap Dibina
6.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	08 Mac 2017
7.	MDKS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 5, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	198 (Jenis C)	28 Julai 2017
8.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	Sept 2017
9.	MDKS	KL-Kepong Country Homes Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 851, Geran 39815, Mukim Ijok Daerah Kuala Selangor.	224 (Jenis D)	Sept 2017
10.	MPSp	Sim Chong Yong Dan Yap Hoong (Trafmate)	Hakmilik Geran 52258 Lot 2194, Pekan Sungai Pelek, Daerah Sepang.	7 (Jenis C) 8 (Jenis D)	Sept 2017
11.	MPKj	Serambi Utama Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 13217 GM 1537, Bandar Batu 18 Semenyih, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	16 (Jenis D)	Sept 2017
<b>JUMLAH UNIT</b>				<b>1,813</b>	

- c) Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan pembentangan Bajet 2015 telah mensasarkan pembinaan sebanyak **15,000** unit Rumah Selangorku dibina dalam tempoh tiga (3) tahun bermula Tahun 2015 hingga 2018. Sehingga 15 Oktober 2017, sasaran tersebut telah mencapai objektifnya di mana sebanyak **21,912 unit sedang dibina** di seluruh Negeri Selangor. Peningkatan ini

disebabkan insentif galakan Kerajaan Negeri Selangor dan juga hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) serta kerjasama baik daripada semua pemaju. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri percaya bahawa sasaran 15,000 unit tersebut mampu ditingkatkan sehingga 30,000 unit menjelang akhir tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PROGRAM SELANGOR *BRAIN BANK***

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima dan jumlah kewangan bagi program Selangor *Brain Bank* setakat ini?

**JAWAPAN:**

- a) Program Khas Selangor *Brain Bank* telah diluluskan untuk pelaksanaan pada 31 Oktober 2016. Permohonan bagi pengambilan telah dibuka pada 15 November 2016 sehingga 31 Januari 2017 dan 1 April hingga 15 Jun 2017. Sebanyak 105 permohonan telah diterima dan 11 calon sedang dalam pertimbangan Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan awal sebanyak RM5 juta bagi pelaksanaan program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : TANAH RIZAB ORANG ASLI**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan Kampung Orang Asli dan keluasan yang telah diwartakan sebagai kawasan atau rizab orang asli sejak tahun 2008 mengikut daerah.
- b) Apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri menyebabkan proses pewartaan agak lambat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bilangan kampung Orang Asli dan keluasan yang telah diwartakan sebagai kawasan atau Rizab Orang Asli sehingga 2017 mengikut daerah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	NAMA KAMPUNG	KELUASAN (EKAR)	TARIKH WARTA	NO WARTA
1.	Hulu Selangor	Kampung Orang Asli Sungai Jang Kerling	4.18	24.10.2013	3898
2.	Kuala Langat	Taman Desa Kemandol	86.79	13.03.2016	GN 600
		Sungai Bumbun	329.6	26.10.2017	Masih di PNB
3.	Sepang	Kampung Bakok	9.044	26.10.2017	Masih dalam proses percetakan di PNB
4.	Klang	Tanjung Harapan, Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang	3.00	13.10.2011	3676

Bil	Daerah	Nama Kampung	Keluasan	Tarikh Warta	No warta
5.	Kuala Selangor	tiada	tiada	tiada	tiada
6.	Sabak Bernam	tiada	tiada	tiada	tiada
7.	Hulu Langat	tiada	tiada	tiada	tiada
8.	Gombak	tiada	tiada	tiada	tiada
9.	Petaling	tiada	tiada	tiada	tiada

- b) Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan perizaban mana-mana Tanah Kerajaan untuk maksud penempatan / kawasan Orang Asli melalui permohonan lengkap yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bersama pelan pra-hitungan (*pre-com plan*) yang disediakan oleh Juruukur Berlesen. Seterusnya setelah tanah yang telah diluluskan perizaban diukur halus melalui pengeluaran Pelan Warta (PW) oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), pengisytiharan perizaban akan diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor. Proses ini akan mengambil tempoh masa yang lama sekiranya isu tanah yang dicadangkan untuk perizaban tidak diselesaikan seperti isu pertindihan lot, pelan tanah yang dikemukakan tidak sempurna dan masalah dalam proses ukur halus untuk pengeluaran Pelan Warta (PW).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : KERAJAAN NEGERI MENJADI PERANTARAAN UNTUK  
MEMUDAHKAN PERMOHONAN MEMPATENKAN PRODUK**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah Kerajaan Negeri menjadi perantara untuk memudahkan permohonan mempatenkan produk-produk ciptaan mesin pembuatan oleh Industri Kecil Sederhana agar tidak ditiru oleh pihak lain?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam agenda memperkasakan usahawan-usahawan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah menyediakan insentif dan merangka program-program yang berimpak tinggi dalam meningkatkan mutu produk usahawan. Di antara insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah Dana Usahawan Mikro Selangor di mana objektif program ini adalah untuk mengukuh dan meningkatkan daya saing perniagaan dengan membantu dari segi pembelian mesin dan peralatan serta lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor. Para usahawan juga boleh memohon dana ini untuk menampung kos pensijilan produk seperti paten, pensijilan halal, penjenamaan produk (*branding*) dan lain-lain. Selain itu, Kerajaan Negeri ada menyediakan program yang mempertingkatkan mutu produk usahawan iaitu program Pembungkusan Produk *Made In Selangor* yang dijalankan secara usaha sama dengan SIRIM Berhad. Salah satu modul dalam program ini adalah peningkatan produk melalui Pensijilan Halal dan Penjenamaan Produk (*Branding*). Pada program ini peserta akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan yang telah diperbaharui.

Paten merupakan salah satu kategori perlindungan harta intelek yang ditadbir oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (*MyIPO*) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Terdapat beberapa prosedur yang perlu dilalui sebelum pensijilan dan pewartaan paten diberikan. Selain daripada Paten, terdapat empat (4) harta intelek lain yang boleh melindungi produk usahawan iaitu Cap Dagangan, Reka bentuk Industri, Petunjuk Geografi dan Hak Cipta. SIRIM Berhad selaku **institut piawaian dan penyelidikan perindustrian Malaysia mengendalikan pendaftaran harta intelek** dan memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan

dan bermutu tinggi. SIRIM Berhad juga menjalankan kajian dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada penyelewengan dari segi kualiti.

Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan dalam menawarkan bantuan pendaftaran paten untuk produk usahawan dan ia boleh dirancang untuk dilaksanakan di masa akan datang. Namun pada masa ini, Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk berkolaborasi dengan agensi yang bertanggungjawab dalam pemberian pengiktirafan sijil halal kepada usahawan Selangor yang berkeelayakan. Ia bagi memberi peluang kepada lebih ramai usahawan untuk menembusi pasaran tempatan khususnya di pasar raya rantaian dan mengeksport produk ke luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tapak pelupusan sampah di Negeri Selangor tidak boleh menampung keperluan rakyat sedangkan sampah semakin meningkat dan tapak pelupusan semakin terhad. Apakah rancangan masa depan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengguna teknologi terkini untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 16/2016 yang diadakan pada 11 Mei 2016 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke 17/2016 pada 18 Mei 2016 telah menimbang dan bersetuju supaya anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) menerajui usaha untuk membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)* bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor.

ISWMC adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

1. Loji *Waste To Energy* (WTE);
2. Loji Kitar Semula;
3. Loji Pencernaan Anerobik (AD);
4. Loji Kompos;
5. Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
6. Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMULIHAN SUNGAI-SUNGAI DI NEGERI SELANGOR**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang dan pendek dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan kebersihan dan ekosistem Sungai-sungai di Negeri Selangor, khususnya Sungai Langat dan Sungai Klang yang telah dicemari dengan sampah sarap?
- b) Sila menyatakan kos pembersihan yang telah dibelanjakan.

**JAWAPAN:**

- a) Pembersihan Sungai Klang telah diambil alih oleh MBI dan melantik syarikat Hebat Abadi untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sepanjang Sungai Klang. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut bermula dari sempadan negeri Selangor hingga ke muara Sungai Klang. Kos siling bagi penyelenggaraan Sungai Klang telah diberikan sepenuhnya kepada MBI melalui UPEN iaitu sebanyak RM 24 juta dalam RMK-11.

Bagi Sungai Langat pula, JPS menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan *log-boom* sepanjang tahun dengan anggaran perbelanjaan RM 300,000.00 setahun dan hanya terdapat satu unit *log boom* merentangi Sungai Langat iaitu di Daerah Kuala Langat.

Bagi perancangan jangka panjang pula, pihak LUAS telah melaksanakan program *Integrated River Basin Management* (IRBM) bagi sungai Selangor (2008) dan sungai Langat (2005). Objektif keseluruhan projek adalah merangkumi aspek perlindungan, pemuliharaan, dan pengurusan bersepadu lembangan sungai.

- b) Kos penyelenggaraan bagi Sungai Langat adalah sekitar RM 300,000.00 setahun.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Tindakan bersepadu oleh semua agensi bagi mengawal pembuangan sampah haram di dalam rizab sungai dan pembuangan sampah di dalam longkang-longkang perlu diperketatkan dan kekerapan memantau oleh agensi amat diperlukan. Lori-lori yang terlibat dengan pembuangan sampah harus berdaftar dengan agensi terlibat seperti SPAD atau JPJ bagi memantau pergerakan mereka ketika melaksanakan kerja-kerja pembuangan sampah hingga ke tempat pembuangan yang didaftarkan.

Rizab-rizab sungai dijadikan lanskap atau sungai angkat oleh penduduk melalui persatuan penduduk bagi mengekalkan rizab sentiasa berada dalam keadaan bersih serta menjadi mata-mata kepada agensi berkaitan bagi melaksanakan penguatkuasaan.

Hukuman denda maksimum bagi pesalah-pesalah yang mencemari rizab sungai dan juga sungai-sungai di dalam negeri Selangor. Hebahan media kepada umum bagi pesalah-pesalah alam sekitar sehingga mendatangkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar.